



KERAJAAN MALAYSIA

**Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal
Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara
Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan
Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi
Dalam Negara**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM.....	2
WP 1.11/2013 Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/Berkursus Dalam Negara.....	2

ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**WP 1.11/2013 Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan
Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi
Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/Berkursus Dalam Negara**

1. Peraturan semasa menetapkan kemudahan penginapan dan makan/minum kepada pegawai yang bertugas rasmi/ berkursus di dalam negara disediakan secara tuntutan bayaran balik oleh pegawai (Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013, Pekeliling Perbendaharaan WP 1.5/2013, Pekeliling Perbendaharaan WP 1.10/2013 dan pindaannya).
2. Sehubungan itu, bagi memudahkan kementerian/jabatan menguruskan program rasmi dan menyediakan kemudahan kepada pegawai semasa menjalankan tugas rasmi/ berkursus di dalam negara, Perbendaharaan bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal bagi meluluskan penyediaan kemudahan secara pakej melalui penggunaan Pesanan Tempatan Kerajaan (PT) tertakluk kepada syarat seperti berikut:
 - 2.1 penyediaan kemudahan secara pakej/PT hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:
 - 2.1.1 semasa kementerian/jabatan menganjurkan program rasmi jabatan seperti persidangan, konvensyen, seminar, bengkel, mesyuarat atau kursus di luar pejabat; dan
 - 2.1.2 apabila pegawai bertugas rasmi/berkursus:
 - (a) jika bertugas/berkursus secara berseorangan hendaklah perlu menginap di luar ibu pejabat tidak kurang daripada lima (5) malam berturut-turut. Walau bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan sekiranya penganjur mengenakan syarat penggunaan PT; atau
 - (b) jika berkumpulan, jumlah pegawai yang perlu bermalam hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) orang;
 - 2.2 penyediaan kemudahan yang dibenarkan melalui penggunaan PT adalah bagi kemudahan:
 - (a) penginapan;
 - (b) makan/minum; atau
 - (c) pakej kedua-duanya;

- 2.3 bagi penganjuran program rasmi jabatan, Pegawai Pengawal boleh meluluskan pegawai di dalam stesen disediakan makan/minum sahaja semasa menghadiri program berkenaan;
- 2.4 jumlah keseluruhan kos penginapan atau/dan makan/minum hendaklah tidak melebihi jumlah kelayakan pegawai seperti yang dinyatakan dalam peraturan semasa yang berkuat kuasa;
- 2.5 bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan adalah tidak termasuk jumlah kos keseluruhan kelayakan pegawai di perenggan (iv). Walau bagaimanapun, kementerian/jabatan hendaklah memastikan penyediaan kemudahan ini adalah amat perlu dan kadar bayaran yang dikenakan adalah sesuai dan munasabah dengan tahap kemudahan yang disediakan;
- 2.6 bagi program rasmi jabatan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), kadar atau pakej makan/minum, bilik mesyuarat/dewan dan peralatan adalah tertakluk kepada kadar dan syarat yang telah ditetapkan oleh PICC;
- 2.7 kementerian/jabatan hendaklah menguruskan sendiri pakej tersebut dengan pihak hotel/pusat berkenaan dan penggunaan *travel agent, event manager* atau pihak lain adalah tidak dibenarkan;
- 2.8 kementerian/jabatan hendaklah mempunyai peruntukan semasa yang mencukupi bagi tujuan ini;
- 2.9 pegawai tidak lagi layak menuntut kemudahan penginapan, makan/minum, pengangkutan tempatan dan sebagainya yang telah disediakan oleh Kerajaan/ penganjur;
- 2.10 Pegawai Pengawal boleh mewakilkan kuasa secara bertulis kepada pegawai kanan lain sehingga kepada Setiausaha/Pengarah Bahagian Kewangan atau Ketua Bahagian yang bertanggungjawab ke atas pengeluaran PT di kementerian/jabatan untuk menimbang dan meluluskan kemudahan ini;
- 2.11 Pegawai Pengawal atau mana-mana Pegawai Kanan/Ketua Bahagian yang diberikan kuasa secara bertulis hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah secara berhemat, selaras dengan dasar Kerajaan dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa;
- 2.12 tindakan tatatertib dan surcaj boleh diambil ke atas pegawai sekiranya tidak mengikut peraturan atau menyalahgunakan kemudahan ini; dan
- 2.13 Perbendaharaan boleh membatalkan penurunan kuasa ini kepada mana-mana kementerian/jabatan yang didapati tidak mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan.